

STRATEGI KOGNITIF DALAM PEMBELAJARAN KOSA KATA BAHASA ARAB SEBAGAI BAHASA KEDUA: RELEVANSI DAN IMPAK

COGNITIVE STRATEGIES IN LEARNING ARABIC VOCABULARY AS A SECOND LANGUAGE: RELEVANCE AND IMPACT

Aqila Najiha Mohd Afandi¹, Abdul Razif Zaini², Nor Azhan Norul ‘Azmi³

ABSTRAK

Dalam pembelajaran bahasa kedua, kaedah pembelajaran yang sempurna menjadi keperluan kepada pelajar untuk mencapai matlamat mereka dalam menguasai bahasa yang dipelajari. Pelbagai strategi telah dikenal pasti dalam usaha untuk mencapai kaedah pembelajaran bahasa kedua yang baik. Kajian strategi pembelajaran yang dilakukan sebelum ini lebih tertumpu kepada kaedah pembelajaran kosa kata dan bahasa secara menyeluruh. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti relevansi penerapan strategi kognitif dalam pembelajaran bahasa kedua dan menentukan impak penerapan strategi kognitif dalam penguasaan kosa kata dalam bahasa kedua pelajar. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif yang menerapkan pendekatan analisis dokumen yang dihurai secara deskriptif. Dapatan kajian mendapati bahawa strategi kognitif wajar dipraktikkan dalam proses pembelajaran kosa kata kerana mempunyai tahap relevansi yang tinggi. Walau bagaimanapun tumpuan kepada penekanan dan penggunaan pelajar terhadap strategi kognitif berada pada tahap sederhana. Namun begitu, hasil daripada tinjauan literatur mendapati strategi kognitif dalam pembelajaran kosa kata bahasa kedua boleh membantu pelajar dari segi pembelajaran, penguasaan dan pengukuhan sesuatu bahasa tersebut.

Kata kunci: Strategi Kognitif, Kosa Kata, Pembelajaran Bahasa Kedua, Relevansi, Impak

ABSTRACT

In the quest to learn a second language, the method used is often crucial in achieving the goal of having a better grasp of that particular language. A plethora of strategies have been devised to identify the best method to hone one's ability in this regard. Plenty of studies have also been conducted throughout the years to tackle this issue. Those studies, however, are more focused on gaining a broad understanding of its vocabulary and the language study as a whole. This research, on the other hand, is seeking to determine the relevance and impact of mastering a second language via cognitive learning. This study employs a qualitative design, which represents an analytical document approach that is often used descriptively. The hypothesis

¹ Aqila Najiha Mohd Afandi, Pelajar Ijazah Sarjana, Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Selangor, aqilaanajiha@gmail.com

² Abdul Razif Zaini, Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Selangor, abdulrazif@kuis.edu.my

³ Nor Azhan Norul ‘Azmi, Pensyarah Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Selangor, norazhan@kuis.edu.my

that can be made based on this study is that cognitive learning should be widely adopted as it does have a high impact on a student's language education process. Although this method is still finding its roots in today's education, the results from the literature review are proof that it is more than capable of developing and structuring a better second language learning concept for students.

Keywords: *Cognitive strategies, Vocabulary, Learning a second language, Relevance, Impact*

Pengenalan

Perbincangan berkaitan strategi dalam pembelajaran bahasa kedua telah mula mendapat perhatian pada awal 1970-an (Rubin, 1975). Strategi pembelajaran bahasa merupakan langkah atau tindakan khusus yang digunakan oleh pelajar untuk memudahkan pemerolehan, penyimpanan, pemerolehan semula dan penggunaan maklumat (Rigney, 1978) sehingga menjadikan pembelajaran lebih mudah, cepat, menyeronokkan, sendiri, efektif, dan senang dipindahkan ke suasana baru (Oxford, 1990).

Strategi pembelajaran bahasa sememangnya menjadi elemen yang sangat penting dalam membantu seseorang pelajar memahami proses pembelajaran bahasa kedua (Kamarul Shukri, 2009). Melalui strategi pembelajaran bahasa, pelajar yang lemah berpeluang memperbaiki tahap pencapaian dan penguasaan mereka terhadap bahasa kedua. Pemilihan strategi pembelajaran bahasa yang tepat dan berkesan sangat signifikan bagi membantu pelajar dalam proses pembelajaran bahasa kedua mereka (Noorhidayah Abu Hasim et al., 2018).

Kemampuan berbahasa yang baik bergantung kepada keupayaan pelajar menguasai kosa kata yang baik. Makna tidak akan dapat diungkap melainkan melalui bahasa yang mengandungi kosa kata. Begitu juga percakapan dalam bahasa asing tidak akan dapat dicapai melainkan dengan adanya kosa kata yang mencukupi untuk menerangkan situasi (Nuraznan et al., 2019). Semasa pelajar mempelajari bahasa kedua, banyak input bahasa yang diperolehi sukar dan kurang jelas hasil daripada sesi pembelajaran mereka. Setiap masalah dan ketidakfahaman yang berlaku perlu diselesaikan oleh pelajar secara pantas dan mudah. Oleh itu, pelajar perlu menyelesaikan masalah tersebut melalui penggunaan strategi pembelajaran bahasa (Jamain et al., 2022).

Bagi menjawab objektif kajian, penelitian terhadap beberapa kajian lepas telah dilakukan. Pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa pandangan berkaitan pembelajaran bahasa kedua melalui beberapa jenis strategi yang perlu dikuasai oleh pelajar. Secara umumnya, sarjana-sarjana telah memecahkan strategi pembelajaran bahasa dan kosa kata kepada beberapa strategi antaranya ialah strategi memori, strategi sosial, strategi kognitif, strategi keazaman dan strategi meta-kognitif. Namun, kajian ini hanya memfokuskan kepada pembelajaran kosa kata bahasa Arab dalam bahasa kedua melalui strategi kognitif sahaja.

Kajian ini juga memberi tumpuan dan penekanan kepada relevansi dan impak pembelajaran kosa kata dalam bahasa kedua. Relevan bererti kesesuaian dan perkaitan antara sesuatu dengan sesuatu yang lain. Manakala impak pula adalah kesan yang ketara atau dampak samada dari segi positif mahupun negatif. Justeru dalam konteks kajian ini adalah untuk melihat relevansi strategi kognitif dalam pembelajaran kosa kata bahasa kedua. Ia turut menilai impak strategi kognitif yang digunakan dalam usaha menguasai pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua.

Kepentingan Strategi Kognitif Dalam Pembelajaran Bahasa Kedua

Strategi pembelajaran bahasa sangat penting dalam usaha mencapai matlamat dan objektif penguasaan bahasa. Dalam konteks pembelajaran bahasa kedua, pelajar yang cemerlang kebiasaannya menyedari proses pembelajaran yang perlu dilalui dan berusaha untuk mengawal cara pembelajaran dengan penggunaan strategi yang sesuai. Walaupun tiada sebarang strategi yang efisien dalam setiap masa, namun beberapa strategi pembelajaran asas boleh dipraktikkan dalam sesuatu pembelajaran bahasa (Jamain et al., 2022).

Istilah strategi pembelajaran bahasa telah didefinisikan oleh ramai sarjana di seluruh pelosok dunia. Williams & Burden (1997) menyatakan bahawa strategi pembelajaran boleh mempengaruhi psikologi kognitif ketika pelajar belajar bahasa kedua. Schmitt, (1997) pula menyatakan strategi pembelajaran melibatkan tingkah laku dan pemikiran yang digunakan oleh pelajar semasa pembelajaran yang memudahkan mereka memahami dan menambah maklumat baharu terutamanya melibatkan kosa kata. Sementara itu, O'malley & Chamot (1990) pula menyatakan bahawa kaedah tersebut merupakan usaha pelajar secara sedar atau tidak sedar untuk memproses maklumat yang diperolehi sama ada melalui pengajaran di dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah.

Strategi kognitif atau *Cognitive Strategies* melibatkan strategi yang merujuk kepada manipulasi mental secara jelas. Berbeza dengan strategi memori, strategi ini dapat membantu dalam mempelajari makna sebenar perkataan berbanding memori yang hanya boleh diaplikasi dengan mengingati makna yang berhampiran atau yang lebih kurang dengan makna sebenar (Banisaeid, 2013). Dalam pembelajaran kosa kata, strategi ini membantu pelajar untuk manipulasi pembelajaran kosa kata secara langsung melalui pembelajaran, pemahaman dan penafsiran sesuatu. Strategi ini mampu menguatkan strategi meta kognitif seterusnya menjadikan autonomi pelajar dapat dilatih dengan lebih baik (Zaini, 2015).

Rubin (1987) menerangkan bahawa strategi kognitif merujuk kepada langkah-langkah yang digunakan dalam proses penyelesaian masalah yang memerlukan analisis secara terus atau melakukan sintesis terhadap bahan-bahan pembelajaran. Strategi kognitif ini menyerupai dengan strategi memori namun bezanya adalah ia menuntut penggunaan aspek mental yang bersifat mekanikal seperti mengulang sebut perkataan, mencatat dan menyimpan perkataan dalam buku nota, menghuraikan konsep baharu berkaitan perkataan sedia ada dan sebagainya (Lip, 2009; Schmitt, 2000). Strategi kognitif juga merujuk kepada kaedah-kaedah spesifik yang digunakan oleh manusia untuk menyelesaikan masalah termasuk semua aktiviti mental berkaitan membuat keputusan, merancang, aritmetik dan sebagainya (Maizan, 2017).

Dalam pembelajaran kosa kata, strategi ini membantu pelajar untuk memanipulasi pembelajaran kosa kata secara langsung melalui pembelajaran, pemahaman dan penafsiran sesuatu. Antara contohnya seperti berlatih secara semula jadi, mengulang, menterjemah, menganalisis secara kontrastif, meneka secara bijak dengan menggunakan petunjuk linguistik, memilih topik dan membina istilah baru bagi membolehkan pelajar memahami dan menghasilkan makna perkataan (Baharudin, 2014).

Pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua memerlukan kaedah kognitif bagi menghasilkan pengukuhan kosa kata bahasa Arab. Strategi kognitif diperlukan bagi tujuan tersebut kerana kemampuan ingatan seseorang individu terhad bagi menyimpan segala maklumat ke dalam memori (Eggen & Kauchak, 2007). Pernyataan ini disokong oleh Zamri Mahamod (2012) yang menyatakan bahawa penggunaan strategi kognitif dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab dapat mengaktifkan minda bagi mengukuhkan ingatan terhadap proses pembelajaran yang telah dilalui. Dalam erti kata lain, strategi kognitif menekankan gaya pelajar bahasa menggunakan pemikiran mereka secara langsung bagi membuat penaaakuan terhadap maklumat yang diterima dan disimpan ke dalam memori (Basit et al., 2017).

Dalam konteks pembelajaran kosa kata dalam bahasa Arab, strategi kognitif boleh dipraktikkan menerusi pengulangan lisan, pengulangan tulisan, menggunakan senarai kosa kata dan kad imbasan, mengambil nota di dalam kelas, menggunakan bahagian kosa kata dalam buku teks pelajar, mendengar pita rakaman senarai kosa kata, meletakkan label Arab atas objek-objek fizikal dan menyimpan buku nota kosa kata (Baharudin, 2014).

Kajian daripada O'malley & Chamot (1990) pula lebih memfokuskan kepada operasi mental dan pengembalian semula maklumat. Ia merangkumi kerja-kerja memanipulasikan bahan pembelajaran secara berterusan dengan pelbagai cara yang berbeza. Termasuk dalam strategi ini ialah pengulangan, penggunaan sumber, terjemahan, pengumpulan, pengambilan nota, ringkasan, penyusunan, perlambangan, metode kata kunci, pemindahan, penghuraian, dan seumpamanya.

Rubin (1987) mendefinisikan strategi kognitif sebagai satu langkah atau operasi yang digunakan dalam pembelajaran atau penyelesaian masalah yang memerlukan analisis, transformasi atau sintesis material pembelajaran. Di bawah strategi kognitif, Rubin (1987) telah mengenal pasti enam strategi umum, iaitu:

1. Penjelasan atau pengesahan: Strategi ini ialah proses untuk mengesah dan menjelaskan mengenai sistem bahasa sasaran.
2. Meneka atau membuat kesimpulan secara induktif: Strategi ini digunakan untuk mendapat pengetahuan bahasa bagi menghasilkan hipotesis tentang pola bahasa, makna semantik atau maksud penutur.
3. Pertimbangan atau taakulan deduktif: Strategi ini adalah penyelesaian masalah pelajar ketika mencari dan mengguna peraturan umum dalam menguasai bahasa seperti mencari sistem dan acuan dalam bahasa sasaran.
4. Praktis: Merujuk kepada strategi berbentuk latihan seperti pengulangan, mengajukan dan penumpuan kepada perincian.
5. Hafalan dan mengingat: Strategi ini ialah sama seperti praktis tetapi fokusnya lebih kepada usaha menyimpan, mengingat dan memanggil semula maklumat bahasa.
6. Penyeliaan dan pemantauan: Strategi ini digunakan untuk mengesani kesilapan linguistik dan komunikasi, dan memutuskan apa yang perlu dilakukan padanya.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif seperti berikut:

1. Mengetahui pasti relevansi penerapan strategi kognitif dalam pembelajaran bahasa kedua.
2. Menentukan impak penerapan strategi kognitif dalam penguasaan kosa kata dalam bahasa kedua.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif yang menerapkan pendekatan analisis dokumen yang diuraikan secara deskriptif. Analisis ini menyasarkan kepada jenis kajian, batasan kajian dan dapatan kajian. Bagi mencapai objektif pertama dan kedua, analisis kandungan teks daripada buku rujukan, artikel jurnal, tesis, prosiding, disertasi dan bahan penerbitan lain telah digunakan untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Data yang telah terkumpul kemudiannya dianalisis secara deskriptif.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Berdasarkan penelitian ke atas dokumen yang dikaji, kajian ini telah membuat analisis kandungan teks. Dapatan kajian ini menemui 10 data untuk dianalisa dalam tinjauan literatur sistematik. Pengkaji telah memilih model klasifikasi strategi utama dalam pembelajaran kosa kata oleh Schmitt (1997) iaitu strategi keazaman, strategi sosial, strategi memori, strategi kognitif dan strategi meta-kognitif. Strategi keazaman dan sosial diletakkan di bawah kumpulan strategi penemuan manakala di bawah kumpulan strategi pengukuhan pula terdapat strategi sosial, memori, kognitif dan meta-kognitif.

Secara umumnya, kajian-kajian dalam bidang bahasa kedua khususnya yang berkaitan dengan pembangunan kosa kata telah mengumpulkan sejumlah besar strategi yang mampu dimanfaatkan oleh pelajar (Schmitt, 2000). Seterusnya kajian dalam bidang ini juga menunjukkan bahawa strategi pembelajaran kosa kata memberi kesan kepada dua bentuk hasil pembelajaran bahasa iaitu kecekapan bahasa dan kosa kata (Gu, 2005).

Untuk memudahkan lagi pemahaman, pengkaji telah memecahkan kajian-kajian lepas kepada beberapa tema iaitu tajuk kajian, objektif, strategi pembelajaran bahasa, strategi pembelajaran kosa kata, tahap penekanan strategi kognitif dan dapatan. Kajian ini menggunakan singkatan seperti ditunjukkan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Singkatan nama strategi dan tahap penguasaan

Strategi	Singkatan	Tahap	Singkatan
Strategi Memori	M	Rendah	R
Strategi Kognitif	K	Sederhana	S
Strategi Meta-Kognitif	MK	Tinggi	T
Strategi Sosial	S		
Strategi Keazaman	KZ		

Untuk menganalisis strategi pembelajaran bahasa dan kosa kata yang berfokuskan penggunaan dan penguasaan strategi kognitif dalam kalangan responden dan hasil dapatan daripada kajian-kajian lepas. Kajian tersebut ditunjukkan dalam Jadual 2 seperti berikut:

Jadual 2: Hasil dapatan dan perbincangan daripada kajian-kajian lepas yang mengaplikasikan pelbagai jenis strategi pembelajaran bahasa dan strategi pembelajaran kosa kata

Tajuk Kajian	Objektif Kajian	Strategi Pembelajaran Bahasa					Strategi Kosa Kata					Tahap penekanan Strategi Kognitif			Dapatan Kajian
		M	K	M K	S	KZ	M	K	M K	S	KZ	R	S	T	
Strategi Memori dan Kognitif: Peggunaann ya Dalam Pembelajaran Bahasa Arab (Kamarul Shukri dan Mohamed Amin, 2009)	- Mengenal pasti tahap penggunaan strategi memori dan kognitif. - Mengenal pasti jenis strategi memori dan kognitif yang digunakan.	/	/				/	/				/			-Penggunaan strategi kognitif dalam kalangan responden adalah rendah. -Responden tidak mempunyai kemahiran belajar strategi pembelajaran kosa kata dengan baik dan berkesan.
Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar Sekolah Menengah Agama di Malaysia (Harun Baharudin, 2014)	- Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan startegi kognitif dengan saiz kosa kata.	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	-Hubungan antara penggunaan strategi kognitif dengan saiz kosa kata adalah signifikan. -Pelajar tidak menggunakan strategi kognitif secara berkesan. -Pelajar didapati lebih aktif menggunakan strategi di dalam kelas berbanding di luar kelas.
Strategi Pembelajaran Kosa Kata Berimbuhan Bahasa Arab (Mohd Zaki et al., 2016).	Meneroka bentuk strategi yang digunakan oleh pelajar Melayu ketika mempelajari kosa kata baharu berimbuhan.	/	/	/	/		/	/	/	/				/	-Strategi kognitif paling tinggi dan banyak digunakan bagi penguasaan makna kosa kata. -Strategi kerap digunakan oleh responden ialah menggunakan kad imbas, ulang sebutan, membaca ayat contoh,

Penggunaan Teknik Pembelajaran Aspek Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Murid (Martiny et al., 2017)	- Mengkaji penggunaan Teknik pembelajaran aspek kosa kata bahasa Arab dalam kalangan murid.	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
--------------------------------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

<p>Melayu dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa di Universiti Malaya (Norfaizal Jamain et al., 2022)</p>	<p>yang diamalkan oleh pelajar antarabangsa serta menghuraikan setiap item kategori strategi tersebut.</p>																					<p>kosa kata berada pada tahap sederhana.</p> <p>-Objek fizikal yang berada di sekeliling boleh membantu pelajar untuk mengingati dan menguasai bahasa dengan baik.</p>
--------------------------------------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Relevansi dan Impak Penggunaan Strategi Kosakata Dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Secara keseluruhan, hasil daripada penelitian kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa pengkaji tidak menemui kajian yang mengkaji mengenai kesan atau impak strategi kognitif dalam pembelajaran kosakata bahasa kedua secara khusus. Tambahan pula tidak ada strategi dominan atau berpengaruh yang sesuai digunakan pada setiap sesi pembelajaran bahasa kedua ini. Kebanyakan penyelidikan mengenai strategi kognitif dalam pembelajaran kosakata bahasa kedua tidak dibincangkan secara khusus malah banyak disentuh secara umum sahaja sebagai contoh merangkumi strategi-strategi lain seperti strategi keazaman, strategi memori, strategi sosial, strategi meta-kognitif dan sebagainya.

Strategi kognitif dalam pembelajaran kosakata bahasa kedua mempunyai hubungan yang signifikan serta memberi impak dan kesan dalam penambahan saiz dan penguasaan kosakata bahasa kedua pelajar. Pembelajaran dan penggunaan strategi kognitif dalam kalangan penutur bukan jati dan penuntut peringkat permulaan adalah sangat penting dalam memperkasakan bahasa kerana strategi ini mempunyai pengaruh yang amat besar dalam bidang pendidikan. Strategi kognitif juga turut menjadi perhatian dalam pembelajaran bahasa asing yang lain seperti dalam konteks bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris (Holidazia & Rodliyah, 2020; Jamain et al., 2022).

Jelaslah bahawa strategi kognitif wajar dipraktikkan dalam proses pembelajaran kosakata kerana mempunyai tahap relevansi yang tinggi. Walau bagaimanapun, hasil daripada kajian lepas mendapati tumpuan kepada penekanan dan penggunaan pelajar terhadap strategi kognitif berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa strategi kognitif mendapat perhatian daripada kajian-kajian yang telah dilakukan sekaligus menunjukkan tahap relevansi strategi tersebut. Kekurangan penggunaan strategi kognitif oleh pelajar yang ketara disebabkan oleh ketidakmampuan atau keengganan pelajar untuk berlatih, menganalisis dan menaakul untuk tujuan pembelajaran kosakata bahasa Arab.

Selaras dengan kajian Baharudin (2014) mengatakan kekurangan ini juga menunjukkan bahawa pelajar akan menghadapi masalah kompetensi bahasa Arab. Penerapan strategi kognitif dalam pembelajaran bahasa kedua boleh membantu pelajar sama ada dari segi pembelajaran, penguasaan mahupun pengukuhan bahasa secara berkesan. Dalam pembelajaran kosakata, strategi kognitif yang merujuk kepada menggunakan fikiran secara jelas agar dapat membantu pelajar untuk mengendalikan pembelajaran kosakata secara langsung melalui pembelajaran pemahaman dan pentafsiran bahasa.

Tambahan pula antara contoh strategi kognitif bagi pembelajaran bahasa dan kosakata termasuklah pengulangan lisan, pengulangan tulisan, menggunakan senarai kosakata dan kad imbasan, mengambil nota dalam kelas, menggunakan bahagian kosakata dalam buku teks pelajar, mendengar pita rakaman senarai kosakata, meletakkan label makna atas objek-objek fizikal dan menyimpan buku nota kosakata dan sebagainya. Selain itu, hasil daripada tinjauan literatur strategi kognitif dalam pembelajaran kosakata dalam bahasa kedua boleh membantu pelajar. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar tumpuan diberikan kepada proses pembelajaran bahasa kedua dengan menggunakan strategi kognitif khususnya. Walau bagaimanapun, tiada kajian strategi kognitif dalam pembelajaran kosakata bahasa kedua yang berbentuk imperikal dijalankan untuk melihat impak dan kesan penerapan strategi kognitif secara lebih mendalam.

Penutup

Kajian ini diharapkan dapat membuka ruang kepada kajian lain berkaitan strategi kognitif dalam pembelajaran bahasa kedua yang memfokuskan kepada sudut lain seperti latar belakang kajian, permasalahan kajian, tema dan metodologi kajian. Strategi kognitif untuk pembelajaran kosa kata bahasa Arab sebagai bahasa kedua yang melibatkan kemahiran belajar yang terbaik dalam mengukuhkan pembelajaran pelajar bahasa kedua. Namun begitu, kerjasama antara pendidik dan pelajar juga memainkan peranan yang penting bagi menjayakan proses pembelajaran kosa kata dalam bahasa kedua ini. Kerjasama antara kedua belah pihak ini memainkan peranan yang penting agar pembelajaran kosa kata memberi impak yang baik dan membawa kepada kelancaran proses pembelajaran bahasa kedua.

Rujukan

- Azrin, N. F., & Baharuddin, H. (2020). Strategi Pembelajaran Kosa Kota Bahasa Arab dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 4(2), 17–23.
- Baharudin, H. (2014). Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar Sekolah Menengah Malaysia. *PhD Thesis, University of Malaya*, 1–329. <http://studentsrepo.um.edu.my/id/eprint/5770>
- Banisaeid, M. (2013). Comparative Effect of Memory and Cognitive Strategies Training on EFL Intermediate Learners' Vocabulary Learning. *English Language Teaching*, 108.
- Basit, N. F. A., Hamzah, I., & Baharudin, H. (2017). Strategi kognitif dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 6, 41–51.
- Eggen, P. D., & Kauchak, D. P. (2007). *Educational psychology: : Windows on classrooms. Prentice Hall.*
- Holidazia, R., & Rodliyah, R. S. (2020). Strategi Siswa dalam Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Inggris. *Jurnal Penelitian Pendidikan LPPM Universitas Pendidikan Indonesia*, 20(1), 111–120.
- Ismail, M. Z., Bakar, K. A., Mustapha, N. F., & Rouyan, N. M. (2016). Penggunaan Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Pada Kalangan Pelajar Cemerlang. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 31, 47–68.
- Jamain, N., Hussin, S. R. Y., & Haq, M. S. (2022). Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa di Universiti Malaya. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(2), 125–134.
- Mahamod, Z. (2012). *Inovasi P&P dalam pendidikan bahasa Melayu (Cetakan Pe)*. Penerbit UPSI.
- Maizan Mat@Muhammad. (2017). Teknik Mnemonik Sebagai Strategi Kognitif dalam Meningkatkan Keupayaan Ingatan Pelajar Peringkat Pengajian Pra-U: Sorotan Kajian Lepas. *National Pre University Seminar*, 309–317. <http://conference.kuis.edu.my/npreus/2017/document/35-MaizanMat@Muhammad.pdf>

- Martiny, I., Aqsha, M., Arafat, Z., & Sjahrony, A. (2017). *Penggunaan Teknik Pembelajaran Aspek Kosakata Bahasa Arab Dalam Kalangan Murid*. 1(January), 14–24.
- Noorhidayah Abu Hasim, Nik Farhan Mustapha, & Pabiyah Hajimaming @ TokLubok. (2018). Penggunaan strategi memori kosakata Arab dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Islam Melaka. *Jurnal Kesidang*, 3, 62–72.
- Nuraznan, Zahimie, M., Adawiyah, N., & Akmarina. (2019). Hubungan Antara Tahap Penguasaan Asas Kosakata Arab Dan Tatabahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Madrasah Tahfiz Sekitar Melaka. *Jurnal Kesidang*, 4, 53–62.
- O'malley, J. ., & Chamot, A. U. (1990). *Learning Strategies In Second Language Acquisition*. Cambridge University Press.
- Oxford, R. L. (1990). Language Learning Strategies: What Every Teacher Should Know by Rebecca L. Oxford. *Issues in Applied Linguistics*, 1(1). <https://doi.org/10.5070/1411004984>
- Rigney, J. W. (1978). Learning strategies: A theoretical perspective. Dalam H. F. O'Neil, Jr. (ed.). In *Learning strategies*. Academic Press.
- Rubin, J. (1975). What the “Good Language Learner” Can Teach Us. *TESOL Quarterly*, 9, 41–51.
- Rubin, J. (1987). Learner strategies: theoretical assumptions, research history and typology. In A. Wenden, & J. Rubin. In *Learner Strategies in Language Learning*. Prentice Hall.
- Schmitt, N. (1997). *Vocabulary Learning Strategies: Description, Acquisition, and Pedagogy*. Cambridge University Press.
- Schmitt, N. (2000). *Vocabulary in Language Teaching*. Cambridge University Press.
- Teh, K. S. M. (2009). Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama. In *Tesis Ijazah Doktor Falsafah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Teh, K. S. M., Yusoff, N. M. R. N., Embi, M. A., & Mahamod, Z. (2016). Hubungan penggunaan strategi pembelajaran bahasa dengan tahap penguasaan Bahasa Arab. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 41–56.
- Williams, M., & Burden, R. (1997). Motivation in language learning: A social constructivist approach. *Cahiers de l'APLIUT*, 16 (3), 19–27.
- Zaini, A. R. (2015). *Penguasaan Kosakata Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*. Tesis PhD, 1–367. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/download/4622/2954/>
- Zaki, I. M., Bakar, K. A., Mustapha, N. F. N., & Rouyan, N. M. (2016). Strategi pembelajaran kosakata berimbuhan bahasa Arab. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 1, 113–133.